

Kementerian dalam tindakan berbincang dengan Agensi Pusat Kerajaan bagi menyusun struktur organisasi JASA dan beberapa cadangan penambahbaikan untuk pegawai-pegawai JASA termasuk mencadangkan pemanjangan tempoh kontrak mereka dari dua (2) ke lima (5) tahun, menambah kelayakan cuti sakit dan kemudahan-kemudahan lain.

SOALAN (192)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah perkembangan projek Pembinaan Balai Bomba Batu Niah yang dijanjikan akan bermula pembinaan pada 2014.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini dilaksanakaan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Berdasarkan maklum balas, pihak JKR sedang dalam proses memuktamadkan keputusan tender bagi projek Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Batu Niah. Pembinaan dijangka akan dimulakan pada Jun 2015.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2015